


- 1 Apakah matlamat isi rumah dalam membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah kekurangan?
- A Meminimumkan kos
 - B Memaksimumkan tabungan
 - C Memaksimumkan kepuasan
 - D Meminimumkan perbelanjaan
- 2 Mengapakah seseorang individu boleh dilabelkan sebagai usahawan?
- A Mempunyai matlamat untuk memaksimumkan keuntungan
 - B Bersifat kreatif dan inovatif
 - C Sanggup menghadapi risiko kerugian
 - D Menggabungkan faktor-faktor pengeluaran
- 3 Jadual di bawah menunjukkan pelbagai gabungan jubah batik dan baju kurung yang dikeluarkan oleh Syarikat Batik Makmur.

Jubah Batik (pasang)	Baju kurung (pasang)
0	500
100	400
200	250
300	50
400	0

Hitung kos lepas apabila syarikat tersebut menambah pengeluaran jubah dari 100 ke 200 pasang?

- A 150 unit baju kurung
 - B 250 unit baju kurung
 - C 400 unit baju kurung
 - D 650 unit baju kurung
- 4 Seorang penganggur telah menerima tawaran untuk bekerja sebagai pelayan restoran. Kos lepas untuk keputusan penganggur tersebut adalah
- A masa luang yang terpaksa dilepaskan
 - B upah yang diterima sebagai pelayan restoran
 - C kos latihan yang terpaksa ditanggung oleh pemilik restoran
 - D kos pengangkutan yang ditanggung berulang alik ke tempat kerja

5



Peralihan keluk KKP disebabkan oleh

- A penurunan produktiviti pekerja
- B peningkatan kemahiran pekerja
- C peningkatan kadar upah pekerja
- D pengurangan sumber pengeluaran

6 Pernyataan di bawah berkaitan dengan teknologi moden dalam pembuatan makanan.

Penggunaan teknologi nano dalam pengeluaran daging dingin beku membolehkan penghasilan makanan bermutu tinggi

Penyataan tersebut berkaitan dengan masalah asas ekonomi

- A apa dan untuk siapa dikeluarkan
- B bagaimana dan untuk siapa dikeluarkan
- C apa dan bagaimana hendak dikeluarkan
- D bagaimana dan berapa hendak dikeluarkan


7 Jadual di bawah menunjukkan permintaan baju kemeja oleh dua orang individu dalam pasaran.

Harga seunit (RM)	Kuantiti diminta Amin (unit)	Kuantiti diminta Ramli (unit)
50	2	3
40	3	5
30	4	6

Berapakah jumlah permintaan pasaran pada harga RM30?


- A 5 unit
- B 8 unit
- C 9 unit
- D 10 unit

- 8 Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan teh.



Antara yang berikut yang manakah mungkin menyebabkan peralihan keluk permintaan teh di atas?

- A Peningkatan harga kopi
 - B Peningkatan pengeluaran teh
 - C Peningkatan upah pekerja ladang teh
 - D Peningkatan subsidi untuk pengeluaran kopi
- 9 Pasaran buah durian berada dalam keseimbangan. Peningkatan citarasa terhadap buah durian menyebabkan
- A keluk permintaan beralih ke kiri
 - B keluk permintaan beralih ke kanan
 - C keluk penawaran beralih ke kanan
 - D keluk penawaran beralih ke kiri
- 10 Keluk penawaran menunjukkan hubungan antara kuantiti yang ditawarkan dengan
- A kadar cukai
 - B harga barang itu
 - C tingkat teknologi
 - D harga faktor pengeluaran
- 11 Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran untuk buah durian belanda.



Apakah faktor yang menyebabkan perubahan di atas?

- A Kos sewa ladang menurun
- B Negara dilanda kemarau berpanjangan
- C Pengeluar durian belanda menerima subsidi
- D Citarasa pengguna terhadap jambu batu meningkat

12 Jika berlaku pertambahan permintaan dalam pasaran, maka

- A Keluk permintaan akan beralih ke kanan dan keluk penawaran tetap
- B Keluk permintaan akan beralih ke kiri dan keluk penawaran tetap
- C Keluk permintaan tetap dan keluk penawaran beralih ke kanan
- D Keluk permintaan tetap dan keluk penawaran beralih ke kiri

13 Andaikan keanjalan harga permintaan suatu barang ialah 1.5. Jika harga barang itu meningkat 16%, kuantiti diminta akan berkurang daripada 100 unit kepada

- A 16 unit
- B 32 unit
- C 76 unit
- D 84 unit

14 Penawaran beg sekolah bertambah daripada 150 unit kepada 250 unit apabila harga sebuah beg meningkat daripada RM20 kepada RM30. Berapakah pekali keanjalan harga penawaran beg sekolah tersebut.

- A 0.75
- B 0.83
- C 1.20
- D 1.33

15



Berdasarkan gambar di atas, fungsi wang ialah


- I alat perantaraan pertukaran
- II alat bayaran tertunda
- III alat ukuran nilai
- IV alat simpanan nilai

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 16 Apakah fungsi kemudahan pembayaran oleh bank perdagangan yang membolehkan syarikat membayar gaji kepada pekerja mereka.
- A Perintah sedia ada
B Pindahan kredit
C Debit langsung
D Draf bank
- 17 En Mawi berkelulusan Ijazah kejuruteraan tetapi memilih untuk bekerja sebagai guru. Faktor pemilihan pekerjaan manakah yang mendorong En Mawi berbuat demikian.
- A Upah
B Faedah sampingan
C Prospek pekerjaan
D Kepuasan kerja
- 18 Pn. Norra menerima bantuan RM1,500 akibat banjir semasa Monson Timur Laut yang melanda Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Pendapatan yang diterima oleh Pn. Norra ialah
- A upah
B elaun
C komisen
D bayaran pindahan
- 19 Pilih pasangan pernyataan yang tepat.

Keperluan	Kehendak
A Harga tidak stabil	Harga stabil
B Untuk meneruskan hidup	Untuk keselesaan hidup
C Pelbagai pilihan barang	Pilihan barang terhad
D Banyak barang pengganti	Tiada barang pengganti

20



Mengapakah kaedah pembayaran di atas semakin popular?

- I Meminimumkan risiko kecurian
II Meminimumkan bayaran tunai
III Meminimumkan risiko bankrap
IV Individu berpeluang memiliki barang dengan lebih murah

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

21 Jika anda seorang pengguna yang bijak, strategi simpanan manakah yang menjadi pilihan anda?

- I Membeli sijil simpanan premium di BSN
- II Membeli rumah untuk disewa
- III Membeli polisi insuran nyawa
- IV Membeli saham syarikat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

22 Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

Kos tetap : RM80
Kos berubah : RM200
Bilangan output : 500 unit

Berapakah kos purata untuk mengeluarkan 500 unit output?

- A RM0.16
- B RM0.40
- C RM0.56
- D RM1.79

23 Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran Restoran Selera KB.

Sewa	RM 5 000
Upah Buruh	RM 3 400
Bahan Mentah	RM 1 000
Bil elektrik dan air	RM 1 000
Pembelian peti sejuk	RM 5 000

Hitung kos tetap dan kos berubah restoran berikut

	Kos berubah	Kos tetap
A	RM 10 000	RM 5 400
B	RM 5 400	RM 10 000
C	RM 11 000	RM 4 400
D	RM 4 400	RM 11 000

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan Firma Yong.
Firma Yong menjual kerusi plastik dengan harga RM30 seunit. Kos berubah ialah 60% daripada harga jualan. Kos tetap ialah RM125 000. Hitung keuntungan sekiranya firma menjual 40 000 unit kerusi plastik
- A RM 355 000
 - B RM 480 000
 - C RM 595 000
 - D RM 720 000
- 25 Penyataan manakah yang membantu firma meningkatkan produktiviti dalam pengeluaran
- I Struktur organisasi yang sistematik
 - II Tenaga kerja yang berkemahiran dan berkebolehan
 - III Suasana tempat kerja yang kurang sistematik dan tidak tersusun.
 - IV Mengurangkan teknologi moden yang menjimatkan kos.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 26 Antara dasar makroekonomi sesebuah negara ialah
- A bantuan subsidi dinikmati oleh sektor- sektor tertentu
 - B mengeluarkan barang awam untuk kegunaan semua rakyat
 - C mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mantap
 - D merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara rakyat dalam negara
- 27 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan inflasi?
- A Nilai sebenar hutang negara berkurangan
 - B Pendapatan benar pengguna berkurangan
 - C Nilai sebenar pendapatan negara berkurangan
 - D Pendapatan boleh guna pengguna berkurangan
- 28 Antara yang berikut, siapakah akan dikenakan cukai langsung?
- A Iman membeli sebuah kereta Perodua Myvi
 - B Izhar membeli perabot jati buatan Indonesia
 - C Marsha membeli minyak sawit dari Malaysia
 - D Anis membeli tanah pertanian di Kuala Krai

- 29 Manakah dasar kewangan yang wajar diambil oleh bank pusat untuk mengatasi masalah inflasi?
- A Melonggar syarat pinjaman
 - B Menjual surat jaminan kerajaan
 - C Menurunkan kadar rizab berkanun
 - D Merendahkan kadar bunga pinjaman bank
- 30 Antara faktor-faktor penggalak globalisasi sesebuah negara ialah
- I Ekonomi negara yang semakin liberal
 - II Kewujudan pelbagai syarikat multinasional
 - III Wujudnya blok perdagangan antara wilayah dan rantau
 - IV Pelbagai sekatan ekonomi diperkenalkan oleh sesebuah negara
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 31 Faktor yang menyebabkan perdagangan antarabangsa antara Malaysia dan Jepun ialah
- A mata wang negara yang berbeza
 - B anugerah alam semuladi yang sama
 - C kemahiran buruh mahir yang berbeza
 - D citarasa penduduk dan gaya hidup yang sama
- 32 Antara yang berikut, yang manakah kesan tarif ke atas ekonomi sesebuah negara?
- A Menurunkan harga barangan import
 - B Meningkatkan kos pengeluaran tempatan
 - C Menurunkan pengeluaran firma tempatan
 - D Meningkatkan penggunaan keluaran tempatan
- 33 Komposisi eksport nampak Malaysia terdiri daripada
- A jualan minyak sawit Malaysia di Australia
 - B perkhidmatan Penerbangan Mas Ke Vietnam
 - C kereta Ferrari buatan negara Itali
 - D konsert kumpulan k-Pop Super Junior dari Korea Selatan
- 34 Antara yang berikut, yang manakah merupakan butiran dalam akaun semasa
- I Akaun pelaburan langsung
 - II Akaun Pindahan modal
 - III Akaun pendapatan primer
 - IV Pelaburan pendapatan sekunder
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

35 Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dollar Amerika.

USD1 = RM4.15

Hitungkan jumlah Ringgit Malaysia yang diperlukan oleh Ikhwan yang ingin membeli sehelai baju yang bernilai USD128 ketika melancong di Texas.

- A RM30.84
- B RM128.00
- C RM132.15
- D RM531.20

36 Peningkatan nilai Ringgit Malaysia berbanding Dollar Amerika Syarikat menyebabkan

- A eksport Malaysia menyamai importnya
- B Malaysia lebih banyak mengimport daripada mengeksport
- C Malaysia lebih banyak mengeksport daripada mengimport
- D kuasa beli Ringgit Malaysia di pasaran antarabangsa menjadi rendah

Soalan 37 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37
- I Dalam Sistem ekonomi pasaran bebas, individu dan swasta berkuasa penuh dalam membuat keputusan ekonomi.
 - II Untuk siapa barang dikeluarkan dalam ekonomi Islam ialah berdasarkan hukum dari Al Quran dan Sunnah
- 38
- I Bank pusat memainkan peranan sebagai jurubank kepada kerajaan dengan menjaga rizab berkanun.
 - II Perintah sedia ada adalah untuk memudahkan pelanggan membuat bayaran yang tetap setiap bulan dan berulang
- 39
- I Semua input dalam pengeluaran jangka panjang ialah input berubah.
 - II Semua input dalam pengeluaran jangka pendek ialah input berubah.
- 40
- I Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan kerajaan dalam projek-projek pembangunan ekonomi negara
 - II Contoh perbelanjaan pembangunan ialah banyaran gaji dan upah kakitangan awam